

# SPS Anjur Forum Ilmiah

Oleh: Muhamad Irfan Kamaruddin

JUMAAT, 19 APRIL - Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan satu program "Sembang Kopi@Seni" yang bertemakan "Provokasi Dalam Penulisan-Keselamatan Negara Tergugat".

Program ini berlangsung di Theatrette Ahmad Nisfu SPS pada hari Jumaat 19 April 2013 bermula pada pukul 8 pagi sehingga 11 pagi.

Antara ahli panel terlibat ialah Encik Khairuddin Ahmad, Pegawai daripada Jabatan Kebudayaan HEP UMS, Encik

Sariansyah Samsudin, Pegawai Keselamatan UMS, serta saudara Mohd. Juhar Harun, Presiden MPP Sesi 2012/2013.

Program yang dikendalikan oleh saudari Mahani Binti Majid ini membincangkan kesan provokasi dalam penulisan sehingga mampu menggugat keselamatan negara.

"Apa yang saya lihat sekarang ini adalah banyak penulisan yang bersifat provokasi sehingga mampu mengancam keselamatan negara," jelas Pengarah progam ini iaitu saudari Norasiyah Abdul Kinu yang merupakan pelajar

Tahun 2, Program Seni Kreatif dalam Penulisan SPS.

Program tersebut mula hangat apabila sesi soal jawab yang dijalankan pelajar tahun satu SPS yang mengajukan soalan berkaitan dengan 'saman' kenderaan di UMS. Walaupun ianya lari dari topik perbincangan namun ia telah mengejutkan ahli panel dan moderator.

Menurut Saudara Mohd Juhar Harun, program seumpama ini perlu sering diadakan kerana program ini dapat membantu mendedahkan perkara-perkara penting yang berlaku

di sekeliling.

"Para pelajar perlu sering didedahkan dengan perkara penting yang terjadi di sekeliling. Tajuk forum yang mendedahkan tentang provokasi dalam penulisan pada malam ini sangat bertepatan dengan para pelajar,"

Rata-rata pelajar yang hadir berpuas hati dengan isi kandungan forum yang menepati kehendak pelajar yang ingin tahu mengenai isu yang sedang berlaku.